

37

Penggunaan Rutin Berfikir MTV 'Saya akan Pastikan' Dalam Pengajaran Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri

Sekolah Rendah Woodlands



Harshad Ismail

harshad_ismail@schools.gov.sg

Abstrak

Penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri merupakan satu proses pembelajaran yang mencabar bagi murid. Murid perlu menghasilkan sebuah penulisan yang mempunyai jalan cerita yang tersusun, tatabahasa yang betul dan pengembangan idea. Namun, murid menghadapi cabaran untuk memastikan keperluan tersebut ada dalam sebuah penulisan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi membantu murid untuk membina senarai semak dengan menerapkan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas 'Saya akan Pastikan'. Kajian ini melibatkan 22 orang murid Darjah 4 yang berada pada aras kebolehan. Dapatan kajian menunjukkan kesan bahawa rutin tersebut dapat membantu murid membina pernyataan bagi membantu mereka menyemak dan menulis dengan lebih baik bagi mencapai kriteria kejayaan dalam penulisan.

Kata kunci: MTV, *Be-Sure-To*, Nearpod, 'Saya akan Pastikan', penulisan



PENGENALAN

Murid mempunyai cabaran untuk menulis sebuah karangan yang bermutu. Kebanyakan murid masih kurang pasti tentang apakah maklumat yang diperlukan dalam menghasilkan sebuah karangan. Walaupun murid disediakan dengan senarai semak penulisan, senarai semak itu hanya digunakan pada bahagian akhir atau sesudah selesai proses penulisan karangan. Perkara ini tidak memberikan murid peluang untuk menyemak penulisan mereka ketika proses penghasilan karangan. Lantas, timbul keraguan tentang kriteria kejayaan yang dikehendaki daripada murid.

Atas dasar keprihatinan ini, guru perlu meninjau kaedah atau strategi yang boleh digunakan dengan lebih tekal bagi memastikan murid dapat menulis dengan baik. Rutin berfikir MTV ‘Saya akan Pastikan’ (*Be-Sure-To*) telah dikenal pasti untuk membantu murid mengenal pasti keperluan dalam sesebuah penulisan karangan yang bermutu secara kolaboratif. Dalam menyediakan persekitaran yang lebih aktif, rutin ini memerlukan murid untuk melakarkan pernyataan ‘Saya akan Pastikan’ dan berkongsi pernyataan tersebut kepada rakan mereka. Selain itu, rutin ini memberi peluang kepada murid untuk melakukan pertimbangan semula secara kritis pada hasil penulisan karangan mereka. Penerangan yang lebih terperinci mengenai rutin berfikir ini akan dijelaskan dalam bahagian kaedah kajian.

PERNYATAAN MASALAH

Murid Darjah 4 aras kesediaan sederhana atau *Middle Readiness* belum mampu untuk menulis dengan baik dari segi idea, jalan cerita dan format bagi mencapai kriteria kejayaan dalam penulisan karangan berdasarkan empat gambar bersiri. Ini menghambat pemahaman murid tentang keperluan yang harus ada dalam sesebuah penulisan karangan, sekali gus menjejaskan pemerolehan markah yang diraih murid.

Sering kali dalam proses pembelajaran penulisan karangan, murid akan diingatkan keperluan bagi menghasilkan karangan mereka. Murid juga kurang memahami proses penyemakan karangan yang baik. Oleh itu, guru mendapati mutu karangan murid masih boleh ditingkatkan. Diharapkan, dengan menggunakan rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’ atau *Be-Sure-To* ini, murid dapat mengambil inisiatif untuk mengemukakan sendiri perkara-perkara yang perlu ada bagi menyemak karangan mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. meneliti keberkesanan rutin berfikir 'Saya akan Pastikan' bagi murid menyemak penulisan karangan;
2. meninjau kebolehan murid untuk menulis karangan berdasarkan senarai semak rutin berfikir 'Saya akan Pastikan' ; dan
3. meningkatkan kebolehan murid memahami kriteria kejayaan bagi penulisan karangan mereka.

KAJIAN LEPAS

Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV) merupakan hasil Project Zero. Projek tersebut dijalankan oleh Harvard Graduate School of Education, 1967 (2011). MTV merangkumi ciri-ciri kecerdasan, pemahaman, pemikiran, kreativiti, etika dan pelbagai aspek pembelajaran manusia. MTV berteraskan belajar untuk berfikir dan berfikir untuk belajar. Rutin-rutin berfikir yang digarapkan dalam MTV juga bertujuan untuk memupuk pelibatan, mendedahkan pemahaman dan menggalakkan kebebasan dalam suasana budaya berfikir di bilik darjah.

Kajian tentang keberkesanan rutin berfikir MTV telah banyak dijalankan oleh guru-guru Bahasa Melayu di Singapura bagi pelbagai kemahiran. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Farrah Mohamed Ghazali (2015), Rutin Berfikir: Pencetus Intelek, Pembuka Minda yang memberi tumpuan kepada penulisan karangan ekspositori. Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017) pula menggunakan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata. Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Zaetun Abbas dan Rahimah Januri (2018) yang menerapkan rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka dalam kemahiran interaksi penulisan. Berdasarkan ketiga-tiga kajian yang ditukil ini mampu meningkatkan tahap berfikir mereka menggunakan rutin berfikir. Respons pelajar juga didapati lebih teratur dan berstruktur dengan berpandukan strategi rutin berfikir yang disediakan oleh guru.

Ritchhart dan Church (2020) menerangkan bahawa murid perlu melibatkan diri secara aktif dalam proses menyemak sendiri tugas yang diberikan. Guru yang menjalankan rutin ini juga dapat memantau pemikiran dan penglibatan murid dalam proses penghasilan sesebuah tugas. Tambahan,



rutin ini dapat meningkatkan interaksi antara murid di dalam bilik darjah. Menurut Johnson dan Johnson (1999), selain mempelajari sesuatu kemahiran, pembelajaran koperatif juga dapat meningkatkan kemahiran perhubungan yang diperlukan dalam melaksanakan tugas secara berpasangan mahupun berkumpulan. Oleh yang demikian, rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’ ini dijalankan secara berpasangan dan perkongsian dilakukan secara seluruh kelas.

Ritchhart dan Church (2020) menjelaskan kemahiran menulis melibatkan kemahiran tatabahasa, jalinan idea dan penerangan isi hendaklah dijelaskan melalui bimbingan guru. Menurut mereka lagi, rutin ini menggalakkan murid melakukan refleksi dan pembelajaran terarah sendiri terhadap pengaplikasian kemahiran penulisan yang pernah diajar.

Rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’ ini memberi peluang kepada murid untuk menyenaraikan apa yang perlu mereka teliti bagi menyemak karangan mereka demi mencapai kriteria kejayaan bagi penulisan karangan mereka. Tentunya, senarai semak tersebut dapat memenuhi kriteria kejayaan pembelajaran penulisan karangan. Rutin ini juga dapat memupuk interaksi dan semangat kerjasama antara murid untuk berkongsi senarai semak bersama rakan-rakan mereka yang lain. Mereka juga hendaklah menjelaskan sebab pentingnya senarai semak yang dinyatakan kepada rakan-rakan yang lain. Ini sekali gus, menambah nilai pembelajaran murid dalam penulisan karangan mereka.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini diusahakan sebagai satu kajian bilik darjah dengan guru-guru Darjah 4. Pembinaan rancangan pelajaran dilakarkan dengan terperinci bersama guru-guru lain dan Guru Kanan. Semua sesi pengajaran dan pembelajaran dirakamkan supaya dapat melakukan renungan bersama guru-guru bahasa Melayu. Melalui sesi perkongsian bersama semua guru bahasa Melayu yang lain, pembaikan strategi dapat dikemukakan dan dilaksanakan.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 22 murid Darjah 4 yang memiliki tahap keupayaan yang pelbagai. Kebanyakan daripada murid ini mempunyai tahap kesediaan yang sederhana. Mereka mempunyai tahap penguasaan bahasa yang sederhana. Kumpulan ini didapati menghadapi kesukaran untuk menghasilkan sebuah

penulisan yang baik disebabkan kurang memahami kehendak dan kriteria yang diperlukan dalam sesebuah penulisan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan rutin ‘Saya akan Pastikan’ atau *Be-Sure-To* dalam penulisan berdasarkan gambar bersiri. Pengumpulan data dijalankan secara bertahap-tahap berdasarkan rakaman, peranti Nearpod dan produk akhir pelajar. Peranti Nearpod digunakan untuk mengumpul bahagian-bahagian struktur penulisan gambar bersiri manakala produk akhir merupakan penulisan murid, digunakan sebagai kayu ukur keberkesanan terhadap pengaplikasian rutin ‘Saya akan Pastikan’. Di samping itu, pengamatan kelakonan murid dalam perkongsian kelas juga digunakan sebagai salah satu data untuk menilai keberkesanan pengaplikasian rutin tersebut.

Instrumen yang digunakan seperti berikut:

1. Templat ‘Saya akan pastikan’
2. Penulisan Contoh
3. Bahan-bahan pengajaran penulisan
4. Peranti Nearpod
5. Alat rakaman
6. Data pencapaian murid

Prosedur Kajian

Guru menjelaskan kriteria kejayaan yang harus dicapai murid, iaitu saya boleh menulis karangan gambar bersiri dengan format yang betul, isi yang mencukupi dan menggunakan tanda baca yang betul. Seterusnya enam langkah PdP yang dijalankan secara eksplisit diperkenalkan kepada murid. Dalam proses PdP, keenam-enam langkah ini diajarkan secara berperingkat dan tidak diajarkan semua dalam satu masa pelajaran penulisan karangan. Enam langkah tersebut seperti yang berikut:

Langkah 1: Penerangan mengenai Rutin ‘Saya akan Pastikan’

Rutin ‘Saya akan pastikan’ diajarkan secara terperinci sebelum memulakan pengajaran kemahiran penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri. Pengajaran rutin ini didedahkan agar murid menyedari kehendak rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’. Murid membiasakan diri dengan rutin tersebut melalui pengajaran kefahaman dan aspek bahasa yang lain. Murid diberikan perancah

pernyataan 'Saya akan Pastikan' pada tahap awal pengajaran rutin ini. Secara bertahap-tahap, murid menulis sendiri pernyataan 'Saya akan Pastikan' tanpa bimbingan. Setelah beberapa sesi pengajaran rutin ini, guru bertindak sebagai pemudah cara bagi murid mengutarakan pernyataan 'Saya akan Pastikan' yang sesuai.

Jadual 1: Templat 'Saya akan Pastikan'

Isi/Bagi Empat Gambar
<hr/> <hr/> <hr/> <hr/>
Format/Perenggan
<hr/> <hr/> <hr/> <hr/>
Bahasa/Ejaan/Tanda Baca
<hr/> <hr/> <hr/> <hr/>

Jadual 1 merupakan templat 'Saya akan Pastikan'. Templat ini mendedahkan kepada murid tiga bahagian utama untuk murid mencatatkan maklumat yang perlu mereka semak bagi karangan yang dihasilkan. Murid diberikan kebebasan untuk memilih mana-mana aspek yang diinginkan sepanjang sesi pendedahan rutin berfikir.


Jadual 2 merupakan contoh kandungan senarai semak yang boleh dibina oleh murid bagi rutin ini. Templat ini tidak akan diberikan kepada murid apabila mereka semakin yakin untuk memberikan pernyataan ‘Saya akan Pastikan’.

Jadual 2: Contoh Pernyataan bagi Rutin Berfikir ‘Saya akan Pastikan’

Isi/Bagi Empat Gambar
<ol style="list-style-type: none">1. Ada bahagian permulaan, pertengahan dan penutup karangan2. Ada bahagian masalah3. Ada bahagian konflik4. Ada penerangan mengenai watak5. Ada isi bagi keempat-empat perenggan
Format/Perenggan
<ol style="list-style-type: none">1. Ada empat perenggan2. Satu perenggan satu gambar3. Langkau 2 jari sebelum menuli setiap perenggan4. Mula perenggan yang baharu untuk dialog5. Langkau sebaris bagi setiap perenggan
Bahasa/Ejaan/Tanda Baca
<ol style="list-style-type: none">1. Ayat pertama selepas tanda titik bermula dengan huruf besar2. Semua ayat diakhiri dengan tanda titik3. Ayat seruan ditandakan dengan tanda seru4. Ada tanda petik bagi dialog5. Ada tanda koma selepas tanda petik6. Tiada kesalahan ejaan

Langkah 2: Aktiviti Menyusun Perenggan

Langkah 2 merupakan aktiviti menyusun perenggan. Setiap murid dikehendaki menyusun semula perenggan yang telah diolah susunannya mengikut struktur cerita; Pengenalan, Isi dan Penutup. Murid perlu membaca setiap perenggan dan melakukan ramalan terhadap jalan cerita yang sesuai mengikut struktur cerita tersebut. Ini dilakukan supaya murid dapat mengaitkan struktur jalan cerita yang sesuai.



Langkah 3: Penerangan Contoh Karangan

Guru menunjukkan contoh karangan berdasarkan latihan menyusun perenggan dalam Langkah 2. Murid akan berbincang mengenai karangan tersebut. Murid memberikan pandangan melalui aplikasi Nearpod secara berpasangan. Berdasarkan penulisan contoh karangan yang diberikan, murid membina senarai semak untuk meneliti sama ada rutin berfikir itu dapat diaplikasikan dengan baik.

Selepas semua pasangan murid memberikan respons terhadap contoh karangan tersebut, guru akan mendapatkan setiap pasangan berkongsi respons dan pendapat mereka bersama rakan sekelas. Pada bahagian ini, guru menggalakkan murid untuk memberikan sebab-sebab kepentingan aspek-aspek penulisan. Murid juga bebas untuk mengetengahkan pendapat mereka terhadap respons rakan lain.

Langkah 4: Penulisan Karangan

Bagi langkah ini, guru menjelaskan proses kegiatan penulisan dilakukan supaya matlamat untuk mencapai kriteria kejayaan penulisan karangan menjadi lebih jelas. Pengajaran penulisan karangan dijalankan seperti biasa dengan guru mengimbas kembali seperti elemen penulisan karangan naratif. Setelah penjelasan diberikan guru menekankan lagi tentang kriteria kejayaan yang perlu dicapai oleh murid.

Langkah 5: Proses Penulisan

Sebelum murid memulakan penulisan, mereka perlu meneliti kriteria kejayaan yang diinginkan dalam penulisan masing-masing. Kemudian, murid boleh membina senarai semak dengan menggunakan rutin berfikir 'Saya akan Pastikan'.

Selepas itu, murid akan diberikan soalan karangan yang mengandungi empat gambar bersiri. Sepuluh kosa kata bantuan yang boleh digunakan murid semasa menulis karangan juga diberikan kepada murid. Makna kosa kata tersebut juga akan dijelaskan kepada murid. Selain itu, murid diminta untuk mengimbas kembali teknik soalan 5W1H dan murid boleh menambah kosa-kata berdasarkan soalan 5W1H yang diajukan.

Murid melengkapkan aktiviti penulisan karangan ini secara berpasangan semasa rutin ini mula diperkenalkan. Murid dikehendaki menaip respons

mereka bagi setiap perenggan dalam aplikasi Nearpod. Guru bertindak sebagai pemudah cara untuk menggalakkan murid berbincang secara berpasangan.

Langkah 6: Perkongsian Murid

Selepas murid menghasilkan karangan masing-masing secara berpasangan, guru akan mendapatkan murid untuk merujuk kembali pernyataan ‘Saya akan Pastikan’ dan merujuk semula hasil penulisan mereka. Perkongsian pernyataan ‘Saya akan Pastikan’ kepada rakan lain dilakukan agar setiap murid meraih manfaat dalam mengetahui senarai semak yang dibina oleh rakan-rakan mereka. Kegiatan ini memberikan kesedaran kepada setiap murid akan kepelbagaian senarai semak. Murid juga diminta agar memastikan bahawa mereka telah dapat mencapai matlamat pembelajaran seperti yang dikehendaki dalam pernyataan rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’.

Pada akhir pelajaran, guru merumuskan kepentingan pernyataan ‘Saya akan Pastikan’ dalam mencapai matlamat pembelajaran untuk menghasilkan sebuah penulisan yang bermutu, sekaligus mencapai kriteria kejayaan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kerja murid, didapati penggunaan rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’ telah dapat membantu murid menulis karangan lebih terancang dan menambah nilai mutu karangan mereka. Berikut ialah contoh respons murid bagi pernyataan ‘Saya akan Pastikan’ yang dilakukan. Rujuk Jadual 3.




Jadual 3: Contoh Pernyataan Murid Bagi Rutin Berfikir ‘Saya Akan Pastikan’


Perkara	No	Saya akan pastikan ...	Tandakan ✓
Isi/Gambar	1	Tulis 25 – 30 perkataan untuk setiap gambar.	✓
	2	Tulis bagi keempat-empat gambar.	✓
Format/Perenggan	3	Lat sebaris selepas setiap perenggan.	✓
	4	Lat dua jari ayat pertama bagi setiap perenggan.	✓
Bahasa/Ejaan/Tanda Baca	5	Tulis tanda petik bagi dialog.	✓
	6	Tulis tanda titik pada akhir ayat.	✓
	7	Mulakan ayat dengan huruf besar.	✓
Semak	8	Baca dua kali selepas selesai karangan.	✓

Berdasarkan daripada respons yang diteliti, aktiviti ini menunjukkan bahawa murid dapat memberikan pernyataan terhadap rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’ bagi penulisan karangan mereka. Aktiviti berpasangan

telah dapat membantu murid membina pernyataan bersama-sama. Pada akhirnya, murid digalakkan untuk membuat keputusan memilih perkara utama yang hendak dimasukkan dalam rutin berfikir 'Saya akan Pastikan' bagi menghasilkan karangan yang baik dari segi isi dan pemerenggan. Lantas, setiap pernyataan 'Saya akan Pastikan' mencerminkan matlamat yang ingin dicapai oleh setiap pasangan murid secara berkolaborasi.

Jadual 4: Contoh Penulisan Karangan Murid Dengan Respons Rakan

Perenggan	Contoh
<p>Gambar 1</p> 	<p>Pada hari Jumaat yang cerah, kawan-kawan Ana berada di bilik darjah. Mereka sedang membersihkan bilik darjah. Ana sedang menyapu lantai. Laila menyusun buku-buku. Adi dan Budi mengemas meja dan Zaid membersihkan papan tulis.</p>
Komen rakan	Item 1-4, 6-7 ada. Huruf besar juga untuk kata nama khas.
<p>Gambar 2</p> 	<p>Selepas itu, Zaid mengambil kerusi untuk memadam papan tulis. Tiba-tiba Zaid terjatuh dari kerusi itu. Kawan-kawan Zaid berasa terperanjat apabila Zaid terjatuh.</p> <p>“Ah, Zaid terjatuh!” kata Ana yang sedang menyapu lantai. Ana berasa risau.</p>
Komen rakan	Item 1-7 ada. perkataan memadam boleh juga digunakan sebagai membersihkan.
<p>Gambar 3</p> 	<p>Siku Zaid terkena lantai. Dia terluka. Laila dan Ana segera menyuruh Zaid duduk di lantai. Adi pula mengalihkan kerusi ke tempat duduknya.</p>
Komen rakan	No. 1-4 dan 6-7 ada. Jumlah perkataan hanya 20 sahaja.

<p>Gambar 4</p> 	<p>Ketika itu, Cikgu Hamdi masuk ke kelas. Budi memberitahu Cikgu Hamdi bahawa Zaid terjatuh ke lantai. Cikgu Hamdi menasihati semua muridnya supaya berhati-hati semasa mengemas bilik darjah. Cikgu Hamdi pun memberikan bantuan kepada Zaid. Zaid belajar untuk lebih berhati-hati semasa memadamkan papan tulis.</p>
<p>Komen pasangan</p>	<p>No. 1-4 dan 6-7 ada. Jumlah perkataan lebih daripada 30 perkataan.</p>

Jadual 4 pula menunjukkan hasil penulisan perenggan bagi gambar bersiri. Jadual 4 mencerminkan kepekaan murid terhadap matlamat penulisan mereka yang telah dipaparkan dalam pernyataan ‘Saya akan Pastikan’.

Jadual 5: Contoh Respons Murid dalam Aktiviti Perkongsian

Aktiviti Perkongsian Pernyataan ‘Saya akan Pastikan’	<i>Interaksi antara Guru dengan Murid</i>	
	Guru	Apa fungsi huruf besar?
	Murid 1	Tanda permulaan ayat dan untuk kata nama khas.
	Guru	Mengapakah tanda petik itu penting?
	Murid 2	Kalau tidak ada tanda petik, kita tidak tahu ayat itu ialah dialog.
	Guru	Mengapakah awak harus membaca dua kali selepas selesai karangan?
	Murid 3	Supaya kita faham ceritanya.
	Guru	Selain daripada memahami cerita, apa lagi sebab yang lain?
	Murid 4	Kita harus semak kerana ada ayat yang salah.
	Murid 5	Kita boleh betulkan ejaan.

Jadual 5 memaparkan interaksi antara guru dengan murid. Murid mampu untuk memberikan penjelasan mengenai kepentingan sesuatu kemahiran penulisan. Melalui respons ini, terbukti bahawa murid memahami pernyataan yang diberikan dan ini membantu mereka untuk mencapai kriteria kejayaan dalam penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri.

Dapatan kajian ini menyokong kenyataan Ritchhart dan Church (2020) bahawa rutin ini membantu murid menghayati matlamat keseluruhan, merenung semula pengalaman dahulu dan merancang langkah seterusnya untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Di samping itu, kajian ini menunjukkan kesungguhan murid untuk melakukan penulisan karangan dan mengutarakan pernyataan ‘Saya akan Pastikan’ melalui aplikasi Nearpod.



CADANGAN

Penggunaan rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’ masih di peringkat awal. Pada masa hadapan, murid boleh digalakkan untuk membuat pernyataan yang lebih terperinci atau berlainan daripada pernyataan yang digunakan dalam karangan sebelumnya.

Disebabkan amalan menggunakan rutin ini masih pada tahap permulaan, murid tidak didedahkan pada pernyataan ‘Saya akan Pastikan untuk Tidak’ atau *Be-Sure-Not-To*. Pernyataan ‘Saya akan pastikan untuk tidak...’ ini boleh dilakukan selepas murid lebih kukuh dalam membuat pernyataan ‘Saya akan Pastikan’. Pernyataan ‘Saya akan Pastikan untuk Tidak...’ adalah bertujuan untuk memastikan murid mengelakkan kesilapan yang sama dalam tugas yang dilakukan selanjutnya. Pernyataan ‘Saya akan Pastikan untuk Tidak...’ juga bertindak sebagai pelengkap kepada pernyataan ‘Saya akan pastikan’. Pengajaran pernyataan ‘Saya akan Pastikan untuk Tidak...’ boleh diperkenalkan secara bertahap-tahap.

Pada masa hadapan, pernyataan ‘Saya akan Pastikan’ yang dijalankan secara berpasangan boleh dilakukan secara individu. Ini membolehkan murid untuk membuat pernyataan mereka secara peribadi berdasarkan matlamat hasil tugas yang diinginkan.

KESIMPULAN

Bagi terus membantu murid untuk meningkatkan kesedaran terhadap kriteria kejayaan yang diperlukan dalam penulisan karangan, pendedahan pada rutin ini perlu dilakukan. Natiujahnya, murid menjadi lebih terarah dan terlibat aktif dalam memastikan matlamat dan kriteria kejayaan tercapai. Murid yang memerlukan bimbingan dapat mengasah kemahiran penulisan apabila dipasangkan dengan murid yang lebih baik. Hal ini juga memudahkan tugas guru dalam menjalankan kegiatan pembelajaran di dalam bilik darjah.


Murid juga diberikan peluang untuk membina pernyataan yang pelbagai berdasarkan kemahiran penulisan mereka. Contohan pernyataan ‘Saya akan Pastikan’ yang diberikan menjadi panduan asas kepada murid untuk membina senarai semak mereka. Lantaran itu, terdapat peningkatan pelibatan murid dalam menghasilkan sendiri pernyataan tersebut bagi mencapai kriteria kejayaan masing-masing.

Melalui interaksi antara murid dengan guru, murid juga dapat memberi penerangan ‘Saya akan Pastikan’ yang lebih tuntas sehingga mencerminkan proses pemikiran murid. Penggunaan aplikasi Nearpod juga telah menyokong pembelajaran dalam talian secara berpasangan untuk mengukuhkan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, rutin berfikir ‘Saya akan Pastikan’ atau *Be-Sure-To* ini berhasil untuk meningkatkan kebolehan murid memahami kriteria kejayaan yang diperlukan di dalam sebuah penulisan karangan.

RUJUKAN

- DBP Malaysia (2008). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Didapatkan pada 25 Oktober 2021, <http://prpm.dbp.gov.my/Default.aspx>
- Farah Mohamed Ghazali (2015). Rutin berfikir: Pencetus intelek, pembuka minda. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Memperelok Budi Memperindah Bahasa, hlm. 417-429. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. (1999). *Learning together and alone: Cooperative, competitive, and individualistic learning* (5th Ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Kamus Dewan. (4th ed.). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim... [et al.]. *Tatabahasa Dewan*. (3rd ed.). (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017), Penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna, hlm 483-493. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2019). *Amalan pengajaran Bahasa Melayu di Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Printers Pte Ltd.



Pusat Bahasa Melayu Singapura (2021). *Memperkuh pengajaran dan pembelajaran, Meningkatkan kemahiran berbahasa*. Singapura: Oxford Graphics Printers Pte Ltd.

Ritchhart, R., Church, M., dan Morrison, K., (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Ritchhart, R dan Church, M (2020). *The Power of Making Thinking Visible: Practices to Engage and Empower All Learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Zaetun Abbas dan Rahimah Januri (2018). Penggunaan rutin berfikir- fikir-tanya-teroka dalam kemahiran interaksi penulisan. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Pengajaran Inovatif, Pemikiran Kreatif, Hal. 392-400. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.